



**PROGRAM CSR PTPTN 'BAYI WILAYAH PERSEKUTUAN' :  
PUKUK MASYARAKAT MENABUNG SEAWAL USIA SEHARI**

1. Sempena **Hari Wilayah Persekutuan**, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menganjurkan Program '**Bayi Wilayah Persekutuan**' sebagai salah satu daripada **Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) PTPTN** yang dilaksanakan pada tahun ini.
2. Selain untuk **meraikan bayi yang dilahirkan pada tarikh hari Wilayah Persekutuan**, program ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan masyarakat Malaysia untuk menabung seawal kelahiran bagi tujuan pendidikan pada masa hadapan.
3. Program '**Bayi Wilayah Persekutuan**' diadakan di **dua (2) hospital terpilih di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** iaitu :
  - i) **Hospital Pusrawi, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 1 Februari 2017;**  
dan
  - ii) **Hospital Tung Shin, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 2 Februari 2017.**
4. Melalui program CSR ini, **PTPTN memberikan sumbangan berupa akaun SSPN-i/ SSPN-i Plus** kepada bayi-bayi yang dilahirkan pada 1 Februari 2017 di hospital berkenaan. Jumlah keseluruhan **peruntukan adalah sebanyak RM5,000** bagi seramai **50 bayi**. Penerima sumbangan akan juga menerima **hamper** yang mengandungi **tabung, barangan bayi serta risalah/ brosur penabungan**.
5. **PTPTN merupakan 'TABUNG PENDIDIKAN'** untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama dan bangsa. PTPTN secara bersungguh **memastikan dan membudayakan minda serta naluri masyarakat Malaysia** untuk **membuat tabungan sedari awal melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional** yang merupakan instrumen

**pilihan utama bagi simpanan untuk tujuan pendidikan di Malaysia. Memandangkan tabungan pendidikan ini boleh dibuka oleh ibu bapa untuk anak-anak seawal 1 hari, adalah amat bijak untuk ibu bapa memulakan simpanan sebaik anak dilahirkan.**

- 6. Ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting untuk menyemai sifat suka menabung di kalangan anak-anak. Ibu bapa boleh memilih SSPN-i Plus sebagai produk simpanan terbaik untuk perancangan kewangan dan persiapan awal bagi pendidikan tinggi anak-anak dan mengelakkan daripada bergantung kepada pinjaman semata-mata.**

### **SSPN-i Plus Pilihan Terbaik**

- 7. PTPTN telah memperkenalkan satu lagi produk baharu untuk tujuan simpanan demi masa depan pendidikan iaitu SSPN-i Plus. SSPN-i Plus merupakan pelan simpanan terbaik yang menggabungkan simpanan pendidikan dan pakej perlindungan takaful yang murah dan komprehensif.**
- 8. Simpanan ini dapat menggalakkan dan memupuk nilai serta semangat berjimat cermat serta sifat suka menabung dalam minda dan jiwa setiap rakyat Malaysia. Dengan adanya simpanan semenjak kecil dan usia yang masih muda, sudah semestinya dapat mempersiapkan diri kita untuk menggunakan dana simpanan yang sedia ada sebagai perbelanjaan bagi menimba ilmu pengetahuan.**
- 9. Setiap ringgit yang disimpan diberi jaminan sepenuhnya oleh kerajaan. SSPN-i Plus juga memberikan pelbagai keistimewaan kepada pendepositnya dan tidak membebankan kerana menawarkan pelan simpanan dengan pelbagai pilihan pakej serendah RM30.00 sebulan (hanya dengan RM1.00 sehari) yang mampu di buka oleh semua lapisan masyarakat.**
- 10. Pendeposit juga layak mendapat perlindungan takaful, dividen yang amat kompetitif serta mendapat pelepasan taksiran cukai sehingga RM12,000 setahun dan patuh syariah. Dengan kata lain, SSPN-i Plus ini merupakan satu tabungan untuk dividen masa depan kerana dengan pelaburan yang rendah secara berterusan semenjak awal akan memberikan pulangan yang tidak ternilai pada masa akan datang.**

11. Setiap pakej yang ditawarkan mempunyai **keistimewaan dan manfaat yang berganda** iaitu **meperolehi manfaat takaful bagi kematian/ ilat kekal sehingga RM1juta, manfaat khairat kematian bagi pendeposit termasuk pasangan dan tiga orang anak, manfaat takaful bagi 36 penyakit kritikal, elaun kemasukan hospital dan tidak perlu menjalani pemeriksaan kesihatan kecuali mereka yang memilih pakej Berlian** hanya perlu menjawab tiga soalan mudah.
12. PTPTN turut menganjurkan cabutan hadiah yang dikenali sebagai **Cabutan Wow! SSPN-i Plus kepada semua pendeposit yang membuka atau menambah di dalam akaun SSPN-i Plus dalam tempoh 1 Julai 2016 hingga 30 Jun 2017** dengan menawarkan lebih **300 hadiah bernilai RM1.5 juta.**
13. Cabutan Wow! SSPN-i Plus merangkumi cabutan suku tahun dan cabutan tahunan. Bagi cabutan suku tahun terdapat tiga kali cabutan dengan setiap cabutan menawarkan hadiah utama iaitu sebuah kereta Honda Jazz dan saguhati wang tunai bernilai RM2,000 kepada 20 orang pendeposit yang berjaya. Manakala cabutan tahunan pula **menawarkan hadiah utama iaitu sebuah kereta Proton Perdana.** Tempat kedua pula menawarkan kereta Toyota Vios kepada tiga pendeposit yang berjaya dan tempat ketiga motosikal Kawasaki kepada lima pendeposit yang berjaya. Bagi hadiah saguhati wang tunai bernilai RM2,000 juga disediakan kepada 250 pendeposit.